



## JABATAN PERUMAHAN NEGARA BAHAGIAN PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN

ARAS 31, NO. 51  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 4121 / 4123  
Faks : 03-8891 3185  
http : <http://ehome.kpkt.gov.my>

Rujukan Kami : ( ) KPKT/07/L/  
Tarikh : \_\_\_\_\_

### **BL 3 : SENARAI SEMAK PERMOHONAN PINDAAN HARGA JUALAN**

1. Pelan Tapak bersaiz A4 (rumah bertanah) / Pelan Sisi bangunan (rumah hakmilik berstrata).  
(Sila warnakan unit-unit yang terlibat dengan pindaan harga DAN tandakan unit-unit yang telah dijual)
2. Senarai harga lama dan baru.  
(Sila tandakan harga minima dan maksima)
3. Pengesahan sama ada terdapat pindaan pelan bangunan dan spesifikasi. Berikan maklumat terperinci dan dokumen terbabit.
4. Pengesahan sama ada unit terlibat telah dijual atau belum.
5. Satu (1) Salinan iklan bagi Brosur dan cadangan iklan-iklan lain.
6. Format pindaan harga. (Jadual dalam format Excel)
7. Laporan pengesahan pindaan harga daripada Juru Ukur Bahan (QS).
8. Surat iringan pemaju bagi tujuan tersebut.

#### **CATATAN**

- (i) Iklan brosur dan cadangan iklan-iklan lain hendaklah mencatatkan butiran pemajuan yang lengkap seperti mana kehendak Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989 dengan mencatatkan :
- a) Nombor lesen pemaju DAN tempoh sahlaku.
  - b) Nombor permit iklan & jualan DAN tempoh sahlaku.
  - c) Nama pemaju berserta alamat lengkap dan no. telefon.
  - d) Jenis **Pegangan** tanah – (Kekal / Bebas, Pajakan, Rizab Melayu) DAN **Bebanan** (gadaian) tanah – (nyatakan nama institusi gadaian). Jika berstatus pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah dan sekatan kepentingan hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan.
  - e) Perihalan (spesifikasi) rumah tempat tinggal – termasuk mana-mana tempat letak kereta yang merupakan petak aksesori bagi rumah tempat tinggal dalam sesuatu petak dan yang tidak menjadi sebahagian daripada harta bersama rumah itu.
  - f) Nama pemajuan perumahan (jika ada).
  - g) Tarikh **pemajuan perumahan** dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya.
  - h) Harga jualan **minimum** dan **maksimum** bagi setiap jenis rumah tempat tinggal.
  - i) **Bilangan unit** bagi setiap jenis rumah.
  - j) Nama Pihak Berkuasa (PBT) yang meluluskan pelan bangunan DAN nombor rujukannya.
- (ii) Iklan brosur hendaklah mencatatkan **pelan lantai tipikal** dengan **perincian ukuran** ruang yang jelas beserta **spesifikasi** dalam Bahasa Malaysia.

- (iii) Penyataan “.....tertakluk kepada pindaan....” hendaklah dibatalkan / dibuang daripada kesemua iklan.
- (iv) Iklan Radio hendaklah mencatatkan skrip penuh seperti mana yang akan ke udara di media massa.
- (v) Iklan dalam bentuk video yang diiklankan dalam media televisyen, pawagam, internet atau lain- lain media hendaklah dikemukakan dalam “storyboard” penuh dalam bentuk Powerpoint atau PDF (gambar, skrip dan kenyataan) yang akan dipaparkan.
- (vi) Iklan-iklan yang dicadangkan perlu dimasukkan kenyataan “**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**” menggunakan font Arial (*huruf besar dan saiz font tidak kurang daripada 10*).

**\*\*\* SILA AMBIL TINDAKAN BAGI DOKUMEN SEPERTI TERSENARAI DI ATAS**

( ..... )

**b.p. PENGAWAL PERUMAHAN**